

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 19 MAY 2016 |

Saranan Dr. Mahathir tidak wajar

Um - 19/5/2016

LONDON 18 Mei - Saranan Tun Dr. Mahathir Mohamad agar rakyat menolak Barisan Nasional (BN) dan UMNO adalah tidak wajar kerana disifatkan sebagai perbuatan menikam balik kepada parti yang banyak berjasa kepada negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, BN merupakan parti yang terlalu banyak jasa dan seterusnya membolehkan Dr. Mahathir sendiri menjadi pemimpin negara selama 22 tahun.

Beliau berkata, Dr. Mahathir dan keluarganya juga mendapat banyak manfaat melalui kedudukan sebagai perdana menteri kerana kekuatan UMNO dan BN.

“Jadi bila dia suruh orang menolak parti yang banyak berjasa, maka terdapat reaksi yang negatif terhadap pendirian beliau yang tidak

mengambil peduli langsung manfaat yang diterima, kerana tanpa BN dan UMNO beliau tidak akan jadi perdana menteri atau menteri,” katanya.

Najib berkata demikian dalam sidang akhbar di sini malam tadi (waktu tempatan) ketika diminta mengulas kenyataan Dr. Mahathir yang menggesa pengundi menolak BN pada pilihan raya kecil Kuala Kangsar dan Sungai Besar bulan depan.

Katanya, perubahan kepada negara dan pembangunan, kestabilan politik serta kejayaan yang dicapai selama ini adalah kerana tonggak dan sumbangan daripada BN.

Ditanya adakah beliau kecewa dengan kenyataan Dr. Mahathir itu, Najib berkata: “Saya telah menjangkakannya.., dan saya rasa orang ra-

mai lebih mengenalinya sekarang.”

Menyentuh mengenai perubahan struktur baharu jemaah menteri, Najib yang akan ke Sochi, Rusia hari ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Rusia-ASEAN berkata, beliau belum memikirkannya lagi.

“Tetapi sudah tentu ada perubahan melibatkan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang perlu disusun semula, termasuk di peringkat jawatan Ketua Setiausaha,” tambahnya.

Perubahan kabinet dijangka berikutan pelepasan jawatan oleh Datuk Amar Douglas Uggah Embas sebagai menteri di kementerian itu serta kematian Timbalannya, Datuk Noriah Kasnon dan Ketua Setiausaha, Datuk Dr Sundaran Annamalai dalam nahas helikopter di Sarawak, baru-baru ini. - UTUSAN